

12 APR 2001

TEKNOLOGI-PRODUK

PENEMUAN SILVERFIL DALAM RAWATAN GIGI

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Silverfil, sejenis amalgam atau "adunan" tanpa raksa bagi kegunaan dalam menampal gigi, dijangka memperoleh 50 peratus daripada pasaran pergigian di Malaysia dalam tahun pertamanya dijual secara komersil.

Pengarah Urusan Perwira Dunia Sdn Bhd, Dr S Radhakrishnan (doktor gigi tempatan yang mereka cipta Silverfil) berkata pasaran Malaysia bagi amalgam, dalam bentuk logam campuran dan kapsul, adalah bernilai RM7 juta setahun.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas pelancaran produk itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil dekat sini hari ini.

Silverfil, produk daripada usaha penyelidikan selama 17 tahun, adalah sejenis amalgam atau adunan terdiri daripada serbuk perak tulen dan serbuk perak-raksa dicampur sebahagiannya.

Berikutan kebimbangan terhadap risiko keracunan raksa bebas yang disebabkan oleh kegunaan amalgam pergigian konvensional, Dr Radhakrishnan berkata kehadiran perak berlebihan di dalam Silverfil akan "menyerap" sebarang raksa bebas yang terdapat di dalam tampalan.

Perwira Dunia, tambahnya, akan menumpukan kepada pengeluaran dan pemasaran Silverfil sebagai bahan alternatif baru bagi amalgam perak-timah dan tembaga yang digunakan di seluruh dunia sekarang.

"Tetapi minat utama saya ialah untuk menumpukan kepada pasaran tempatan terlebih dahulu, dengan menggalakkan produk baru itu kepada kerajaan. Kami telah membekal kepada kerajaan amalgam pergigian konvensional selama 10 tahun yang lalu," tambah beliau.

Ditanya mengenai faktor penetapan harga, katanya amalgam biasa berharga RM1.80 sebiji kapsul manakala Silverfil berharga RM2.35 tetapi syarikat itu telah merancang untuk menjual produk itu pada RM2.00 sebiji kapsul.

Tambahnya bahawa Silverfil telahpun digunakan secara percubaan daripada tahun 1989 hingga 1996 di sebuah klinik kerajaan di Johor, sebuah klinik pergigian di Kementerian Pertahanan, Jabatan Kanak-kanak Fakulti Pergigian, Universiti Malaya dan oleh dua kumpulan pengamal pergigian swasta.

Teknologi pemprosesan telah dipatenkan di seluruh dunia dengan beberapa geran paten telahpun diberikan di negara-negara seperti Malaysia, Amerika Syarikat, Australia, Eropah, Hong Kong, Korea Selatan, Russia, Jepun dan Amerika Latin. -- BERNAMA

SHO SEL OS